

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan impak manfaat bagi langkah yang telah
diambil Kementerian untuk menyelesaikan isu Ketersambungan Batuan
Pertama dan Akhir pengangkutan awam.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pengangkutan awam menjadi pilihan utama mod pengangkutan di negara ini. Justeru, beberapa inisiatif telah diambil Kerajaan dalam usaha meningkatkan ketersambungan batuan pertama dan akhir pengangkutan awam. Perkhidmatan pengangkutan awam yang melibatkan batuan pertama dan terakhir adalah terdiri dari perkhidmatan bas, teksi dan e-hailing.

Bagi memastikan kesalinghubungan perkhidmatan bas kepada rakyat, Kerajaan telah menyediakan perkhidmatan bas 'MyBAS' di 4 ibu negeri iaitu Kangar, Ipoh, Seremban dan Kuala Terengganu. Perkhidmatan MyBas ini juga akan dikembangkan ke Johor Bahru pada tahun hadapan. Selain itu, Kerajaan juga memberi bantuan sokongan dana menerusi program Dana Sementara Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (ISBSF) kepada 54 pengendali bas yang menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti di seluruh Semenanjung Malaysia agar perkhidmatan bas terutamanya di laluan-laluan sosial luar bandar tidak terjejas.

Selain itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan Pas Bulanan Tanpa Had My30 bagi perkhidmatan rel dan bas kendalian RapidKL. Di Pulau Pinang pula, Pas Mutiara My30 berkonsepkan yang sama juga diperkenalkan bagi perkhidmatan bas RapidPenang manakala Pas Lestari My30 turut diperkenalkan di Kuantan bagi perkhidmatan bas RapidKuantan, sekaligus membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Perkhidmatan teksi dan e-hailing iaitu tempahan kenderaan secara atas talian merupakan pelengkap kepada jaringan pengangkutan awam dari segi perjalanan batuan pertama dan akhir. Sesuai dengan arus perubahan teknologi semasa, perkhidmatan e-hailing mempunyai liputan lebih meluas dan dapat memenuhi permintaan pelanggan dengan lebih baik berbanding kaedah tradisional (tahanan tepi jalan atau di pengkalan). Pada masa yang sama, perkhidmatan teksi atau kereta sewa tradisional juga dibenarkan untuk menggunakan platform e-hailing untuk

NO. SOALAN: 36

memastikan mereka terus berdaya saing selari dengan perkembangan teknologi di dalam memberikan kemudahan kepada pengguna.